


# KEKANGAN DALAM INDUSTRI *Kraf Negara*



Malaysia kaya dengan kepelbagaian budaya. Kepelbagaian budaya itulah yang mampu mencetuskan semangat seni dalam kalangan masyarakat. Tanpa mengira warna kulit atau agama, seni setiap kaum mudah difahami dan didapati di Malaysia. Sebagai tamsilnya, masyarakat Melayu sangat sinonim dengan seni ukiran kayu dan tenunan. Masyarakat Cina popular dengan seni tembikar dan kaligrafi. Kolum pula sering disebut-sebut sebagai seni masyarakat India dan kelompok peribumi pula sangat berkaitan rapat dengan seni anyaman.

Penciptaan produk kraf tangan menuntut kebijaksanaan dan kecekapan, di samping memerlukan daya estetika yang tinggi dalam penggunaan bahan asas yang teratur, bermula daripada proses awal sehingga sesuatu produk kraf tangan itu terhasil. Umum mengetahui bahawa seni kraf tangan sangat popular dalam kalangan penduduk luar bandar dan pedalaman. Situasi ini berlaku kerana mereka lebih mudah mencari bahan utama bagi pembuatan produk kraf tangan. Kebanyakan pengusaha produk kraf meneruskan perusahaannya keluarga mereka yang sememangnya berasal dari kampung. Produk kraf sangat maju di kampung dan sering ditempah sekiranya terdapat majlis keratan, seperti perkahwinan, pertunangan dan akikah.

Namun begitu, sehingga bilakah produk kraf akan hanya popular dalam kalangan masyarakat kampung? Langkah yang proaktif perlulah diambil untuk membawa produk kraf keluar dari kampung. Seperti yang sudah sedia kita maklum, untuk membawa produk buatan kampung ke bandar bukanlah mudah. Pelbagai cabaran dan kekangan perlu diatasi dengan sebaik-baik mungkin.

Cabaran utama yang mengganggu perkembangan produk kraf di kawasan bandar ialah lambakan produk berteknologi moden dalam

pasaran. Persaingan antara kedua-dua produk tersebut sangat sengit. Situasi ini berlaku kerana harga yang ditawarkan oleh pengeluar produk tersebut jauh lebih murah berbanding dengan produk kraf. Kuantiti produk berteknologi moden yang dihasilkan pada satu-satu masa juga sangat tinggi jika dibandingkan dengan produk buatan tangan. Produk buatan tangan pula menawarkan harga yang agak tinggi sedikit kerana proses pembuatannya yang rumit.

Walaupun bagaimanapun, kualiti produk kraf tidak boleh dipertikaikan lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana produk kraf tangan menggunakan bahan semula jadi yang mesra alam. Kemunculan bahan kimia dan sintetik juga merencanakan pengeluaran produk yang berasaskan plastik. Sebagai contohnya, masyarakat lebih tertarik kepada bakul plastik berbanding dengan bakul rotan. Hal tersebut berlaku kerana bakul

plastik sangat mudah diperolehi, daripada pasar raya mega sehingga kedai dua ringgit, dan harga yang ditawarkan pula jauh lebih murah.

Seharusnya barangan kraf tangan perlulah diletakkan di setiap kedai atau pasar raya yang sering menjadi tumpuan masyarakat bandar. Pengusaha tempatan, yang juga merupakan penghasil produk kraf tangan yang sangat sinonim dengan kawasan kampung, perlulah bangkit dan menonjolkan bakat serta produk yang dihasilkan pada peringkat nasional. Mereka haruslah lebih berani untuk tampil ke hadapan kerana sampai bila mereka hendak duduk di rakuk yang lama? Lambat laun mereka tetap perlu bersaing dengan produk yang jauh lebih moden dan menarik.

Oleh itu, pengusaha perlu memfokuskan perkara penting, seperti strategi pemasaran dan pengiklanan. Strategi yang bijak dan sesuai mampu mendatangkan keuntungan berlipat-lipat kali ganda kepada pengusaha. Jadi, pengeluar perlulah bangkit dan pada masa yang sama, pengusaha perlulah lebih bijak kerana memilih barang.

Pada zaman yang serba maju ini sangat sukar untuk mencari bahan utama pembuatan produk kraf. Sumber asli, yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, merupakan bahan utama pembuatan produk kraf tangan. Contoh sumber rimbun yang sering digunakan oleh pengusaha produk kraf ialah buluh, rotan, daun serdang, tempurung kelapa, pandan, bembang, mengluang, rotan dan kayu. Projek pembangunan yang pesat mampu menjejaskan habitat semula jadi flora, iaitu kawasan rimbun. Hal ini dikalangan damikian kerana penggondolan hutan dan aktiviti pembalakan yang tidak terancang mampu mengurangkan tumbuh-tumbuhan.

Oleh itu, pihak berkuasa perlulah memandang isu ini dengan lebih serius. Pembalakan haram dan penebangan pokok secara sesuka hati perlulah dibanjaras bagi mengelakkan kepupusan habitat semula jadi flora. Kepentingan pokok dan tumbuh-tumbuhan perlulah sentiasa diingatkan dalam kalangan penduduk tempatan. Penghasilan produk kraf akan meningkat sekiranya bahan



Geral begini banyak kelihatan di kawasan luar bandar.

utamanya mudah didapati. Kuantiti yang banyak pula akan memudahkan pemasaran produk kraf pada peringkat nasional.

Mereka yang ditangkap menceroob kawasan hutan perlulah dibawa ke muka pengadilan dan dikenakan hukuman yang serempal. Situasi tersebut bertujuan untuk memberikan amaran kepada masyarakat supaya mematuhi undang-undang yang telah dikuatkuasakan serta meniaga kepentingan tumbuh-tumbuhan. Sesungguhnya seni kraf tangan perlulah dikekalkan dan di jaga dengan sebaik-baiknya kerana selain simbol kebudayaan negara, produk kraf dapat memelihara kelestarian alam sekitar.

Sememangnya produk kraf tangan pada hari ini sukar untuk diketengahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman kurang mendapat pendidikan dan tidak mengikuti isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Segelintir daripada mereka masih buta huruf dan hal ini menyukarkan penjualan produk mereka. Dalam situasi lain pula, golongan tua yang tidak berpelajaran terpaksa meneruskan usaha tersebut dengan daya pengeluaran yang sangat lembap walaupun mempunyai mutu kualiti yang tinggi.

Oleh hal yang demikian, pihak yang berkaitan perlulah menyusuri kawasan pedalaman bagi mencari pengamal seni kraf yang masih tidak memasarkan produknya. Produk kraf yang masih belum dipasarkan mampu menarik minat masyarakat tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana produk tersebut masih baharu dan mentah, ditambah pula dengan

masyarakat dunia yang masih belum melihatnya lagi.

Produk kraf sukar dipasarkan kerana sebilangan kecil daripada mereka menialankan kegiatan tersebut sebagai usaha sampingan sahaja. Mereka tiada sebarang inisiatif untuk memajukan kegiatan yang dilakukan itu. Minat membuat seni kraf tangan hanya dijadikan sebagai hobi. Seberulnya produk kraf akan lebih berkemungkinan menjadi pekerjaan. Pendapatan bulanan juga akan menjadi lumayan sekiranya mereka betul-betul fokus untuk menghasilkannya.

Produk kraf tangan boleh diketengahkan melalui penganjuran pertandingan yang bersesuaian. Sebagai contohnya, pertandingan Piala Seri Endon mengetengahkan seni batik melalui pertunjukan fesyen. Pertandingan lain boleh dianjurkan dalam sesuatu festival. Kepentingan penghasilan sesuatu karya seni kraf tangan perlulah difikirkan bersama-sama. Hal ini dikatakan demikian kerana seni kraf tangan merupakan lambing, identiti, dan simbol budaya negara Malaysia yang perlu di jaga sepanjang masa.

Di samping itu, keridaan pewaris juga menyukarkan perkembangan dan kemajuan produk kraf. Generasi muda pada hari ini kurang gemar untuk meneruskan legasi keluarga yang mengusahakan seni kraf tangan. Sebaliknya dengan taraf pendidikan yang dimiliki, mereka lebih cenderung untuk bekerja dalam sektor yang lebih moden. Mereka lebih tertarik terhadap dunia pekerjaan yang lebih mewah yang menjanjikan pulangan yang lumayan setiap bulan.

Situasi ini dapat dilihat

semasa pengamal media tempatan melakukan liputan mengenai seni kraf tangan apabila hanya warga tua yang muncul dan diwawancara. Ke mana hilangnya warga muda? Mereka seharusnya mengorak langkah ke hadapan bagi menggantikan warga tua yang sudah tidak berdaya lagi. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa dalam era globalisasi ini, warga muda mempunyai pemikiran atau idea yang jauh lebih menarik. Idea mereka sangat diperlukan untuk mengubah persepsi masyarakat mengenai produk kraf yang hanya popular di desa. Sebetulnya golongan muda perlu lebih menonjol dan memainkan peranan bagi mempopularkan produk kraf.

Bagi mereka yang berpendidikan tinggi, situasi ini menjadi lebih senang sebenarnya. Mereka lebih petah berbicara dan mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Berkomunikasi dalam bahasa lain akan memudahkan kerja promosi dan pemasaran. Oleh itu, golongan muda perlulah lebih bijak bertikir supaya mampu mengubah stigma masyarakat yang hanya mementingkan nilai ringgit berbanding dengan nilai seni yang sememangnya tidak termlai harganya.

Cabaran lain yang dapat dikaitkan dengan masalah ini ialah kekurangan penawaran program latihan yang berteraskan seni di pusat pengajian. Pihak yang berkaitan, sama ada kerajaan ataupun badan bukan kerajaan, perlulah mewujudkan pusat pengajian yang menawarkan kursus yang berteraskan seni, selain mengadakan program latihan yang lebih intensif dalam aspek pengurusan dan pengeluaran. Hal ini dikatakan demikian kerana masih terdapat segelintir pihak yang

kurang memikirkan kepentingan dan nilai sesuatu karya seni.

Jika diamati secara rasional, pusat kemahiran tersebut perlu didirikan untuk melatih generasi untuk mempopularkan produk menghasilkan sesuatu karya seni, terutama produk kraf tangan tradisional. Mereka boleh mempelajari seni kraf yang tidak diajarkan di sekolah biasa dengan lebih mendalam. Seni kraf tangan lebih kompleks dan memerlukan ketelitian tahap maksimum bagi mereka yang baru hendak mencubanya. Segelintir masyarakat mudah berasa jemu dan bosan. Jadi untuk melahirkan golongan pencinta seni kraf tangan yang betul-betul gemar akannya, memang agak sukar.

Universiti Teknologi Mara menawarkan kursus yang berkaitan dengan seni. Fakulti Seni dan Reka, di bawah Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan yang diasaskan pada tahun 1967, telah membawa pelbagai impak kepada universiti dan negara melalui penganjuran aktiviti seni, di samping pencapaiannya yang amat membanggakan. Pelajar boleh mempelajari kursus yang diminati sehingga tahap yang tertinggi dan boleh memilih sama ada menjadi pensyarah ataupun pengamal seni sepenuh masa. Peluang yang sangat besar dan terbuka luas terhidang untuk golongan belia memilih hala tuju masa depan kehidupan mereka. Kementerian Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam menawarkan kursus yang sesuai kepada pelajar di universiti terpilih di Malaysia.

Kekurangan promosi atau pameran juga menjadi punca pengamal seni kraf sukar untuk menonjolkan bakat mereka.

apatah lagi memasarkan produk mereka pada peringkat nasional. Pihak yang berkaitan perlulah berunding dan memikirkan langkah yang lebih berkesan untuk mempopularkan produk kraf dan meletakkannya sebaris dengan produk luar negara yang sering diagung-agungkan oleh masyarakat. Barangan buatan China sering didengar dan mudah diperolehi di seluruh Malaysia.

Namun begitu, mengapa logo "Buatan Malaysia" jarang-jarang didengar, apatah lagi dilihat oleh masyarakat? Di manakah silapnya? Seharusnya promosi diadakan secara besar-besaran pada peringkat nasional. Festival dan pameran mestilah diadakan di sekitar kawasan bandar untuk membuka mata banyak pihak mengenai keunikan seni kraf tangan. Pelbagai demonstrasi boleh diadakan, seperti menganyam tikar, membuat labu Sayong, menenun songket dan mengukir kayu.

Misalnya, dari 10 September hingga 13 September 2015 yang lalu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah menganjurkan Festival Kraf Antarabangsa Kuala Lumpur. Festival tersebut dimeriahkan oleh pelbagai pengisian yang menarik. Festival itu telah berjaya menarik perhatian 250 orang usahawan tempatan untuk menyertainya. Antara programnya termasuklah persembahan kebudayaan, demonstrasi pembuatan produk kraf dan jualan produk kraf. Selain pengusaha dapat menjual produk mereka, festival sebegini juga mampu mempromosikan seni kraf tangan tempatan bagi memenuhi pasaran domestik.

Festival, promosi, atau pameran yang berkaitan dengan seni kraf

tangan perlulah dipergiat lagi. Penganjuran program sedemikian mampu memupuk perasaan cinta akan budaya dengan lebih mendalam. Penganjur pula perlulah memikirkan langkah yang lebih berkesan dan teratur bagi menarik lebih banyak pengunjung. Inti pati program festival tersebut perlulah menyeronokkan agar kanak-kanak dan remaja tertarik apabila melihatnya. Pendek kata, semakin banyak pameran dan promosi terhadap sesuatu produk, semakin meningkatlah bilangan pengemarnya.

Pengamal seni kraf tangan pada hari ini tidak mempunyai modal yang cukup untuk memajukan perusahaan mereka. Situasi ini bertambah buruk dengan harga barangan dalam pasaran yang semakin meningkat dan bilangan pembeli produk kraf yang semakin berkurang dari semasa ke semasa. Oleh itu, kerajaan perlulah memikirkan cara yang terbaik untuk menangani masalah kekurangan modal ini. Sebagai contohnya, kerajaan boleh memberikan subsidi dan bantuan kredit kepada pengeluaran untuk mengurangkan perbelanjaan pengeluaran mereka. Khidmat nasihat yang berkaitan dengan pemasaran dan pengawalan mutu juga boleh diberikan. Misalnya, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia telah memberikan kemudahan bagi mendapatkan pinjaman kewangan untuk mengatasi masalah ini.

Pada masa yang sama, pengusaha kraf tangan tempatan perlulah berani dan bersedia menghadapi saingan daripada pengusaha luar. Syarikat korporat juga digalakkan untuk berkecimpung dalam industri kraf tangan dengan menanam

modal bagi membina kilang kraf tangan. Pengusaha produk kraf tangan tempatan turut digalakkan untuk menyertai persatuan yang berkaitan dengan seni kraf. Mereka boleh menyertai persatuan di negeri masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana persatuan tersebut memiliki dana dan modal yang cukup untuk meringankan beban serta perbelanjaan yang ditanggung oleh pengusaha tempatan. Modal yang banyak mampu memangkinkan perkembangan produk kraf.

Contoh sumber kewangan lain yang mudah didapati pada hari ini ialah Skim Modal Asas yang dikhususkan untuk pengeluaran produk kraf. Skim tersebut diwujudkan untuk memberikan bantuan pembiayaan kepada pengusaha tempatan bagi meningkatkan pengeluaran produk kraf mereka. Oleh hal yang demikian, pihak yang berkaitan perlulah membantu pengusaha tempatan yang kekurangan dana untuk menghasilkan produk kraf.

Masalah yang seterusnya ialah perusahaan ini perusahaan keluarga. Kemaniran membuat seni kraf tangan hanya diperturunkan daripada generasi kepada generasi. Mereka tidak mengambil orang luar sebagai pekerja kerana menganggapnya sebagai pembaziran. Mentaliti masyarakat sebegini mestilah dihapuskan. Ilmu yang baik tidak elok disimpan begitu sanaja. Mereka perlulah berkongsi sedikit banyak ilmu yang dimiliki demi kebaikan bersama.

Dalam situasi lain, sesetengah produk kraf hanya terkenal di sesetengah negeri sahaja. Misalnya, kegiatan tekat dan labu Sayong hanya terkenal di Perak dan tembikar daripada raman liat yang asli hanya dapat dilihat

di Sarawak. Seharusnya pihak yang berkaitan mempelbagaikan produk kraf bagi setiap negeri. Mungkin setiap negeri boleh menyumbangkan sebahagian kecil daripada usaha mereka dalam pembuatan sesebuah produk kraf. Sebagai contohnya, barang separuh siap seperti tanah liat yang sudah berbentuk tembikar, tetapi belum diukir boleh dihantar ke negeri lain untuk dijadikan sebagai barang siap. Barang yang telah siap kemudiannya bolehlah dipasarkan di mana-mana sahaja. Usaha sama antara negeri sebegini perlulah sentiasa dijalankan. Di samping dapat mengeratkan ukhuwah yang sedia ada, pengetahuan mengenai seni kraf tangan sesebuah negeri turut bertambah.

Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan cabang perniagaan yang terpenting pada hari ini. Peniaga perlulah mahir menggunakan teknologi yang terdapat di sekeliling mereka. Walau bagaimanapun, pengusaha produk kraf tangan yang tinggal di kawasan pedalaman, terutamanya, masih kurang arif mengenai penggunaan teknologi, seperti komputer dan internet, sedangkan permintaan akan menjadi lebih tinggi sekiranya mereka mahir menggunakannya. Hal ini termasuklah penggunaan internet melalui komputer atau telefon pintar. Penggunaan jalur lebar perlulah diperluas lagi bagi memudahkan masyarakat yang menetap di kawasan pedalaman berkomunikasi dengan dunia luar.

Selain itu, produk kraf tangan yang sedia untuk dipasarkan dapat dipromosikan melalui internet. Produk tersebut boleh dipamerkan di laman sesawang dan media sosial. Contoh laman sesawang yang sinonim dengan

aktiviti jual beli barang ialah e-Bay, e-Dagang, dan Mudah.my, manakala Facebook, WhatsApp, WeChat, dan Telegram merupakan contoh media sosial yang popular pada masa ini. Masyarakat dari seluruh pelosok dunia dapat berkomunikasi antara satu sama lain melalui kemajuan teknologi yang telah dikecapi. Situasi ini memudahkan pengusaha produk kraf kerana tidak perlu melaburkan wang yang banyak untuk mempromosikan produk mereka. Mereka yang tinggal di kawasan pedalaman tidak perlu bersusah payah pergi ke bandar untuk menjual barangan buatan mereka, sebaliknya mereka menggunakan internet untuk menjualnya. Di samping dapat mengurangkan perbelanjaan yang ringgit, masa mereka juga mampu dijimatkan.

Oleh itu, pengusaha produk kraf yang buta teknologi maklumat dan komunikasi perlulah dicelikkannya. Pihak yang berkaitan perlulah turun ke padang dan mendedahkan kepentingan penggunaan teknologi dalam bidang perniagaan kepada mereka. Pada masa yang sama, bilangan golongan muda yang menggemari produk kraf tangan juga akan bertambah. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan muda masa ini gemar meluangkan masa berjam-jam di hadapan komputer dan telefon pintar masing-masing. Gambar barangan yang diletakkan dalam media sosial mampu menarik perhatian golongan muda.

Sehubungan dengan itu, yang perlu dipastikan ialah gambar tersebut diambil dengan menggunakan teknologi digital yang terkini, pada sudut yang menarik, dan diedit menjadi

lebih cantik. Olahan bahasa yang digunakan perlulah menarik dan mengandungi laras bahasa pengiklanan yang mempunyai unsur metafora serta simile. Pengusaha produk kraf perlulah menjadi lebih kreatif agar mampu menarik deria pascandera pembaca untuk membacanya. Perkara ini penting kerana mata merupakan deria terpenting dan mudah tertarik kepada benda yang cantik.

Pada masa yang sama, pengusaha perlulah meletakkan testimoni pengguna di laman sesawang mereka untuk meyakinkan pembaca bagi mengurangkan rasa waswas takut ditipu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna alam maya sekarang semakin berhati-hati oleh sebab takut barang yang diingini tidak sama apabila sudah sampai di tangan mereka. Situasi ini seharusnya tidak boleh dipandang enteng kerana promosi produk melalui teknologi moden mampu memberikan pelbagai manfaat positif.

Cabaran terakhir yang dirasakan sering berlaku belakangan ini ialah masalah kekurangan bilangan tenaga kerja. Tenaga kerja yang kurang menyukarkan produk kraf untuk dihasilkan, apatah lagi dipasarkan. Tenaga buruh yang sangat diperlukan ialah tenaga kerja mahir. Produk kraf tangan sukar diketengahkan kerana pengeluar kekurangan tenaga kerja mahir. Tidak semua orang yang dilahirkan di muka bumi ini mempunyai bakat dalam bidang seni. Mereka memerlukan minat. Minat yang mendalam mampu menjadikan sesuatu perkara itu dilakukan dengan sempurna.

Golongan belia pada hari ini kurang gemar terhadap seni

kraf tangan, sedangkan mereka merupakan pewaris seni tersebut. Remaja lepasan sekolah yang masih menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dapat menambahkan ilmu pengetahuan dengan bekerja sambil dalam perusahaan kraf tangan. Di samping dapat menambahkan duit poket, pekerjaan tersebut juga mampu memberikan pengalaman yang terbaik kepada golongan remaja. Tindakan mempelajari seni kraf merupakan perkara yang sangat menarik. Masa juga tidak terbuang begitu sahaja dan aktiviti tidak berfaedah, seperti melepak, dapat dikurangkan. Mereka yang tinggal di kawasan bandar tidak perlu bimbang kerana perusahaan kraf tidak hanya bertapak di kawasan luar bandar.

Maka usaha mencari tenaga kerja perlulah digiatkan. Pengusaha produk kraf, yang menginginkan keuntungan, perlulah berfikir dan mengambil beberapa inisiatif. Mereka tidak boleh berdiam diri dan hanya mengharapkan bulan jatuh ke riba. Langkah yang proaktif perlulah diambil, seperti meletakkan iklan kerja kosong dalam surat khabar dan majalah atau memuat naik iklan dalam media sosial serta beberapa laman sesawang yang sesuai. Usaha sebegini amat penting kerana masih banyak orang yang ingin bekerja, tetapi tidak menumpai pekerjaan yang dikehendaki.

Graduan universiti pula tidak perlulah berlagak dan bersikap memilih pekerjaan. Umum mengetahui bahawa pada zaman ini, sangat sukar untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang dimiliki. Daripada membuang masa tidak tentu hala,

lebih baik dimanfaatkan masa itu sepenuhnya. Pekerjaan dalam sektor ini dapat dijadikan sebagai pekerjaan sementara. Mereka boleh bekerja dalam sektor ini dan pada masa yang sama, mereka masih boleh menjejol pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor lain. Walaupun gaji bulanan mungkin tidak seperti yang diharapkan, sekurang-kurangnya mereka sudah memiliki pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan seni kraf.

Seni itu indah. Namun begitu, tidak semua orang mampu memahaminya. Penghayatan seni kraf mengambil kira aspek tertentu, seperti pengetahuan, tujah dan kemahiran tukang, dalam mengaplikasikan teknik penghasilannya. Proses pembuatan produk kraf memerlukan pemikiran saintifik yang sangat kompleks kerana dianggap sebagai simbol tanda kepekaan yang asli terhadap sesuatu karya.

Oleh itu, usaha perlulah dipergiat lagi agar masyarakat pada hari ini lebih menghargai dan tahu nilai harga sesuatu karya seni. Sewajarnya perkara ini tidak boleh dipandang sebelah mata kerana seni kraf tangan merupakan warisan turun-memurun yang hanya terdapat di Malaysia. Persatuan kraf tangan seluruh Malaysia perlulah bersatu padu untuk menggalkan lebih banyak orang muda mengambil alih perusahaan seni kraf yang diringankan oleh golongan tua. Oleh itu, setiap anggota masyarakat, tanpa melihat warna kulit atau agama, perlu mewujudkan inisiatif untuk menjaga dan mewarisi seni kraf warisan mereka kerana seni tersebut merupakan karya estetika yang tidak ternilai harganya. □